

10 Januari 2024

Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## KEMASKINI GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL JANUARI 2024

### **4.00PETANG, 10.1.2024: PBAPP “BERJUANG” UNTUK KEKAL PADA JADUAL.**

- Loji Rawatan Air Sungai Dua: Salah satu daripada dua injap kawalan 1.2m yang bocor telah ditukar dengan selamat dan betul. Kemajuan kerja pada injap kedua telah mencapai status siap 80%.
- Projek di 22 lokasi lain: Semua projek kerja air lain yang dirancang adalah lebih awal daripada jadual atau mengikut jadual.
- Sungai Perai: Pasukan 16 penyelam telah memulakan kerja untuk menutup lubang sepanjang 1.35 meter pada paip bawah air. Pada kali ini, kami akan memasang dua pengapit tahan lasak untuk menutup kawasan yang rosak.
- Kerja membaiki paip bawah air di Sungai Perai adalah inisiatif respons kecemasan. Kami telah bertindak secepat mungkin. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kemajuan kerja akan ditentukan terutamanya oleh keadaan Sungai Perai:
- **PBAPP masih menyasarkan semua kerja air siap pada jam 6.00 pagi esok (11.1.2024), termasuk kerja-kerja respons kecemasan Sungai Perai.**
- Jika semuanya berjalan lancar, PBAPP akan memulakan kerja pemulihan bekalan air Peringkat 1 seperti yang dijadualkan, mulai 6.01 pagi esok.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)